

08 AUG 1999

Fokus-Aids

SEMANGAT HIDUP UNTUK PESAKIT AIDS

Oleh: D Sundara Raja

KUALA LUMPUR: Mereka pernah memenangi serangkai anugerah dalam industri muzik, namun dalam mengejar kejayaan pasangan sepupu Rizal Kamaruzzaman dan Azlan Abu Hassan tidak lupa membalas budi kepada masyarakat.

Pemenang ketiga di Pesta Lagu-lagu Asia dan pemenang Anugerah Album Terbaik AIM itu, kini menyumbangkan sebuah album, "Spirit of Life" bagi mengutip derma untuk tabung Yayasan Aids Malaysia (MAF).

Kira-kira 40 peratus dari jualan kompak disk dan kaset akan disalurkan ke program yayasan bagi pendidikan, pembantersan dan rawatan HIV/AIDS.

Album dwi-bahasa ini mengandungi empat lagu dan tiga instrumental sebagai pernyataan keprihatinan terhadap warga Malaysia yang menghidap HIV dan AIDS.

Lagu utama, "Spirit of Life" dinyayikan oleh Ning Baizura. Lagu-lagu lain ialah "I Will Be There" oleh Sam dari kumpulan Innuendo, "Pengorbanan" oleh dua beradik Liza dan Azlina Aziz dan "Selamanya" oleh Innuendo.

"Spirit of Life" akan dilancarkan oleh Pengerusi MAF Datin Paduka Marina Mahathir hari ini (8 Ogos) di Suria KLCC, di sini.

"Spirit of Life" adalah lagu tema Kongres Antarabangsa kelima mengenai AIDS di Asia dan Pasifik (ICAAP), di sini dari 23 hingga 27 Okt, kata Encik Asri Ghafar, pemegang amanah MAF dan pengerusi jawatankuasa kecil kebudayaan dan acara kongres.

Beliau berkata ballad berkenaan dihasilkan oleh pasangan itu sebagai mengingati dan memberi perhatian kepada mereka yang menghidap AIDS.

Rizal berharap "Spirit of Life" akan lebih menyedarkan dan mendorong warga Malaysia tampil membantu golongan berkenaan tanpa mengira kaum, agama dan usia.

Melodi lagu itu ditulis kira-kira 10 tahun lalu oleh Azlan untuk satu pertandingan lagu sekolah tetapi bila mereka memutuskan menyumbang sesuatu kepada MAF mereka menulis semula lagu itu untuk disesuaikan dengan HIV/AIDS. Lirik ditulis bagi mengingati seorang teman Rizal yang menghidap HIV.

Rizal mendapatkan bantuan kolejnya, HELP Institute, dalam usaha mengutip derma.

Pelajar kejuruteraan aeorangkasa berusia 20-tahun ini dan Azlan, pegawai bank berumur 28-tahun kemudian merakamkan lagu tersebut di Wizardworks Productions, sebuah studio kendalian saudara lelaki Azlan.

Rizal, yang akan berlepas ke Amerika Syarikat minggu depan untuk menyiapkan program ijazahnya berkata mereka punya pengalaman membuat rakaman untuk artis terkemuka seperti Ziana Zain dan Camelia.

Asri berkata yayasan itu gembira mendapati ramai artis muda dan penggubah lagu berbakat tampil membantu program membanteras HIV/AIDS.

"Pada April tahun ini kira-kira 30,000 didapati HIV positif, dan kita perlukan segala sokongan," katanya.

Lebih 3,000 wakil dijangka menghadiri kongres ICAAP yang akan memantau dan menilai program masa lalu dan menggubal rancangan pembantersan, rawatan, seliaan dan sokongan yang lebih dalam program HIV/AIDS di rantau ini.

Majlis Aids Malaysia, badan induk MAF, akan menjadi tuanrumah bagi kongres dwi-tahunan itu dengan sokongan Kementerian Kesihatan.

Bertemakan "Alaf akan Datang: Menoleh ke Belakang sambil Mara ke Depan" kongres itu ditaja bersama oleh Persatuan AIDS Asia dan Pasifik (ASAP), Program Bersama PBB mengenai HIV/AIDS (UNAIDS), Majlis Pertubuhan

Perkhidmatan AIDS Asia/Pasifik (APCASO) dan Rangkaian Penghidap HIV/AIDS  
Asia-Pasifik (APN). - BERNAMA  
dsr rs